

NETFLIX

Notis Privasi Ahli-Ahli Seni dan Kru

Pengenalan

Privasi dan perlindungan data peribadi anda adalah penting kepada Netflix. Kami mahu anda memahami bagaimana dan kenapa kami memproses data peribadi anda. (Data peribadi kadangkala dirujuk sebagai “maklumat peribadi”). Notis privasi ini adalah untuk membantu anda memahami bagaimana Netflix mengumpul dan menggunakan data peribadi anda semasa dan selepas perhubungan anda dengan kami.

Pemprosesan data peribadi anda adalah selaras dengan undang-undang perlindungan data yang berkaitan.

Notis privasi ini terpakai kepada kesemua ahli-ahli seni dan kru. Kami cadangkan anda membiasakan diri dengan notis ini dan hubungi kami di netflixdpo@netflix.com untuk sebarang pertanyaan.

Notis ini adalah terpakai kepada kesemua ahli-ahli seni dan kru, semasa dan selepas hubungan anda dengan kami. Notis ini tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kontrak membekal perkhidmatan. Kami mungkin mengemas kini notis ini pada bila-bila masa dan akan memaklumkan kepada anda sebarang perubahan-perubahan penting.

Ia adalah penting untuk anda membaca notis ini, bersama dokumen-dokumen privasi lain yang mungkin kami berikan dalam keadaan tertentu semasa kami mengumpul atau memproses data peribadi anda, supaya anda mengetahui bagaimana dan kenapa kami menggunakan maklumat-maklumat tersebut.

Bagaimana kami memproses data peribadi anda.

Netflix hanya akan menggunakan data peribadi anda dengan kebenaran berdasarkan undang-undang perlindungan data. Lazimnya, kami akan proses data peribadi anda yang berkaitan dengan produksi, pengedaran dan pengkomersialan produksi di mana anda terlibat.

Tujuan-tujuan pemprosesan data peribadi anda adalah seperti berikut:

- **Pengurusan dan pentadbiran kakitangan:** termasuk menguruskan aktiviti-aktiviti kerja dan pekerja secara umum, termasuk penilaian, pengurusan projek; membuat pengaturan perjalanan perniagaan; mengumpulkan jejak audit dan alat pelaporan yang lain; menyelenggara rekod berkaitan dengan aktiviti perniagaan, pembelanjawan, pengurusan dan pelaporan kewangan; komunikasi; dan mengawasi aktiviti-aktiviti (termasuk pengawasan telefon, e-mel, Internet dan lain-lain sumber Netflix); dan menjalankan penyiasatan dalaman.
- **Pengurusan senarai gaji dan manfaat:** termasuk pentadbiran pembayaran; melaksanakan dan membayar gaji dan mengkaji semula gaji, upah dan ganjaran-ganjaran lain seperti pilihan saham, pemberian saham dan bonus, penjagaan kesihatan, pelan pencen dan simpanan; dan melaksanakan lain-lain manfaat kontrak dan pinjaman.
- **Perancangan dan pembahagian tugas:** termasuk melaksanakan analisis dan perancangan tenaga kerja; dan penempatan aset dan sumber manusia Netflix.
- **Pengurusan sumber manusia:** termasuk mengurus dan mentadbir latihan, cuti, kenaikan pangkat, pertukaran; dan menguruskan latihan, hal-hal disiplin dan pemberhentian; operasi

NETFLIX

dan menguruskan sistem IT dan komunikasi; dan menguruskan penggabungan, pengambilalihan dan penyusunan semula atau pembuangan kerja.

- **Komunikasi (termasuk dalam kecemasan):** termasuk memudahkan komunikasi dengan ahli-ahli seni dan kru; menyediakan sumber rujukan; memastikan kesinambungan perniagaan; melindungi kesihatan dan keselamatan ahli-ahli seni dan kru dan pekerja-pekerja lain; menjaga infrastruktur IT, peralatan pejabat dan harta benda lain; dan memudahkan komunikasi semasa kecemasan.
- **Pematuhan:** termasuk mematuhi undang-undang dan syarat-syarat lain yang berkaitan, seperti pemotongan cukai pendapatan dan insurans; tanggungjawab penyimpanan rekod dan pelaporan; melaksanakan audit; mematuhi penguatkuasa undang-undang dan permintaan-permintaan lain yang serupa yang selaras dengan undang-undang berkaitan; melaksanakan hak undang-undang dan pampasan; mempertahankan litigasi dan menguruskan apa juga aduan dan tuntutan dalaman; dan mematuhi dasar dan prosedur dalaman.

Kami juga akan mengumpulkan dan menggunakan data peribadi yang "istimewa" atau "sensitif", yang bermaksud data peribadi berkaitan keahlian kesatuan sekerja, kesihatan, sabitan dan sejarah jenayah, etnik, agama, orientasi seksual, atau aliran politik. Di mana data peribadi tersebut diperlukan, kami hanya akan memproses data tersebut seperti berikut:

- di mana kami telah dapat kebenaran anda secara nyata;
- di mana ia diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab kami dan melaksanakan hak-hak kami dalam penggajian, keselamatan sosial atau undang-undang perlindungan sosial atau persetujuan bersama;
- di mana ia perlu untuk menilai keupayaan kerja anda;
- di mana ia perlu untuk kepentingan pengetahuan umum;
- di mana ia diperlukan di bawah kewajipan undang-undang tertentu; atau
- di mana anda telah membuat maklumat ini tersedia kepada kami dengan nyata.

Pendedahan data peribadi anda

Kami mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada rakan sekutu kami, syarikat-syarikat kumpulan dan pihak ketiga tertentu untuk memproses data peribadi anda bagi pihak anda. Untuk setiap perkara ini, kami akan pastikan kesemua pihak yang terlibat hanya memproses data peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini.

Kami juga mungkin mendedahkan data peribadi anda dalam keadaan berikut:

- di mana kami percaya dengan berbuat demikian ia perlu untuk melindungi hak, harta, keselamatan, atau kesejahteraan kami, produksi kami, ahli-ahli seni dan kru yang lain, atau orang awam;
- untuk menguatkuasakan mana-mana kontrak atau dasar-dasar yang kami tetapkan dengan anda;
- untuk menyiasat dan mempertahankan diri kami atau lain-lain pihak terhadap tuntutan atau tuduhan pihak ketiga; dan
- yang berkaitan dengan urusan perniagaan, seperti penggabungan, pertukaran penguasaan atau penjualan aset-aset.

NETFLIX

Semasa dalam kausa perkongsian maklumat kami pindahkan data peribadi ke negara-negara di luar Kawasan Ekonomi Eropah dan rantau lain dengan undang-undang perlindungan data yang menyeluruh, kami akan pastikan maklumat tersebut dipindahkan selaras dengan Notis Privasi ini dan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan perlindungan data.

Penyimpanan data

Netflix hanya akan menyimpan data peribadi anda selama ia diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpul, termasuk untuk tujuan memenuhi keperluan undang-undang, perakaunan, atau pelaporan. Untuk menentukan tempoh penyimpanan yang bersesuaian bagi data peribadi, kami mengambil kira jumlah, sifat, dan sensitiviti data peribadi, potensi risiko kemudaratan daripada penggunaan tanpa kebenaran atau pendedahan data peribadi anda, tujuan kami memproses data peribadi anda dan sama ada kami boleh capai tujuan tersebut dengan cara lain, dan keperluan undang-undang yang berkaitan.

Sila ambil perhatian, kami akan sentiasa menyimpan rekod semua pihak yang terlibat dalam produksi untuk simpanan kami.

Tanggungjawab anda untuk memaklumkan perubahan kepada kami

Netflix dikehendaki memastikan data peribadi anda yang kami simpan mengenai anda adalah tepat dan terkini. Kami dengan ini meminta anda untuk memaklumkan kepada kami seberapa segera jika data peribadi anda berubah semasa hubungan anda dengan kami.

Maklumat dan hak anda

Anda boleh memohon akses kepada data peribadi anda, atau membuat pembetulan atau mengemaskini data peribadi anda yang tidak terkini atau tidak tepat yang ada dalam simpanan kami. Untuk membuat permohonan, atau jika anda ada apa-apa persoalan yang lain mengenai dasar privasi kami, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data/Pejabat Privasi kami. Apabila menghubungi Pegawai Perlindungan Data/Pejabat Privasi, sila maklumkan berkenaan produksi mana yang anda terlibat: netflixdpo@netflix.com. Kami menjawab kepada semua permintaan yang kami terima daripada individu yang mahu melaksanakan hak perlindungan data mereka selaras dengan undang-undang perlindungan data yang berkaitan. Kami mungkin menolak permohonan yang keterlaluan atau tidak dikehendaki oleh undang-undang, termasuk permohonan yang sangat tidak praktikal, mungkin memerlukan usaha teknikal yang tidak seimbang, atau boleh mendedahkan kami kepada risiko pengendalian.

Sila maklum bahawa hak yang tersebut di atas adalah tidak mutlak dan mungkin terdapat keadaan di mana kami tidak dapat memenuhi permintaan anda (sama ada semua atau sebahagian). Dalam keadaan ini, kami akan menerangkan kenapa kami tidak dapat penuhi permintaan tersebut.

Kami mungkin meminta maklumat tertentu daripada anda untuk membantu kami mengesahkan identiti anda dan memastikan hak anda untuk mengakses maklumat tersebut (atau untuk melaksanakan mana-mana hak-hak anda yang lain). Ini adalah satu lagi tindakan keselamatan yang berpatutan untuk memastikan data peribadi tidak didedahkan kepada mereka yang tidak berhak untuk menerimanya.

Hak untuk menarik balik kebenaran

Dalam keadaan yang terhad di mana anda mungkin telah memberikan kebenaran untuk pengumpulan, pemrosesan dan pemindahan data peribadi anda untuk tujuan tertentu, anda
August 2018

NETFLIX

mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran anda untuk pemprosesan tertentu tersebut pada bila-bila masa. Untuk menarik balik kebenaran anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data/Pejabat Privasi kami di netflixdpo@netflix.com. Sebaik sahaja kami terima pemberitahuan bahawa anda menarik balik kebenaran anda, kami tidak lagi akan memproses maklumat anda untuk tujuan tersebut atau tujuan-tujuan terdahulu yang dipersetujui, kecuali kami mempunyai asas yang sah untuk berbuat demikian, yang mana kami akan maklumkan kepada anda semasa balasan kami kepada anda. Sila ambil perhatian, bagaimanapun, dalam kebanyakan keadaan kami tidak bergantung kepada kebenaran anda untuk memproses data peribadi anda.

Hubungi kami

Jika anda ada apa-apa persoalan yang berkaitan dengan data peribadi anda atau bagaimana data tersebut diproses oleh Netflix, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data/Pejabat Privasi kami di alamat e-mel di bawah. Bila menghubungi kami sila maklumkan produksi yang anda terlibat:

Pegawai Perlindungan Data Netflix: netflixdpo@netflix.com